

# CYPRON TABLET

Cyproterone Acetate (50mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cypron Tablet
2. Bagaimana Cypron Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cypron Tablet
4. Cara menggunakan Cypron Tablet
5. Semasa menggunakan Cypron Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cypron Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Cypron Tablet

Cypron Tablet digunakan untuk mengawal keinginan seks di kalangan lelaki yang mempunyai lencongan seks dan terapi anti-androgen dalam kanser prostat.

Di kalangan wanita, ia digunakan untuk mengawal pertumbuhan abnormal rambut pada muka dan badan dan keguguran rambut yang teruk, yang sering diiringi oleh jerawat yang teruk dan/atau timbulnya sisik pada kulit yang berminyak.

## Bagaimana Cypron Tablet berfungsi

Cypron Tablet adalah ubat yang mengandungi Cyproterone acetate. Ia adalah terapi anti-androgen. Ia menghalang tindakan hormon seks lelaki (androgen) dan mengurangkan jumlah hormon seks lelaki yang dihasilkan oleh badan.

## Sebelum menggunakan Cypron Tablet

Jangan menggunakan Cypron Tablet jika anda mempunyai:

- penyakit hati (termasuk tumor hati yang pernah dialami atau yang sedia ada, *Dubin-Johnson Syndrome* atau *Rotor Syndrome*)
- *wasting disease* (penyakit yang melibatkan kehilangan berat

badan atau otot yang tidak diinginkan)

- pembekuan darah (*trombosis* atau *embolism*) atau pernah mengalaminya
- kencing manis teruk yang menjejaskan peredaran darah anda
- sel-sel darah merah yang tidak normal (anemia sel sabit)
- kemurungan yang teruk yang telah dialami untuk beberapa bulan
- pernah mengalami jaundis atau gatal-gatal yang berterusan sebelum kehamilan sebelum ini, jangkitan virus herpes semasa kehamilan

### -Bila tidak boleh menggunakan

- jika anda alah (hipersensitif) kepada Cyproterone acetate atau mana-mana bahan-bahan lain dalam Cypron Tablet
- Jika anda di bawah 18 tahun atau jika testis atau tulang anda belum terbentuk sepenuhnya.

### -Sebelum menggunakan Cypron Tablet

Doktor anda mungkin meminta anda untuk menandatangani perjanjian yang disaksikan sebelum memberikan rawatan Cypron Tablet. Anda juga boleh menjalani ujian untuk memeriksa bilangan dan fungsi sperma anda sebelum anda memulakan rawatan kerana Cypron Tablet boleh menyebabkan bilangan keseluruhan penghasilan sperma anda berkurang.

### Penjagaan khas dengan Cypron Tablet:

Beberapa ujian darah atau pemeriksaan mungkin diperlukan semasa anda mengambil ubat ini:

- masalah hati, sebahagiannya teruk ataupun membawa maut, telah dilaporkan dengan rawatan Cyproterone acetate. Doktor anda boleh mengaturkan ujian hati secara berkala sebelum dan semasa rawatan untuk masalah ini dan boleh menghentikan rawatan anda jika perlu.
- penggunaan ubat seperti Cypron Tablet sangat jarang telah

dikaitkan dengan pertumbuhan tumor hati (dalam bentuk bukan malignan and malignan). Tumor hati boleh menyebabkan pendarahan dalam perut, yang boleh mengancam nyawa. Jika anda mempunyai sebarang ketidakselesaian perut yang baru atau kesakitan yang tidak reda dengan cepat, anda perlu memberitahu doktor anda dengan serta-merta.

- pembekuan darah telah dilaporkan dalam orang yang mengambil ubat ini. Beritahu doktor anda jika mana-mana yang berikut berkenaan dengan anda, kerana anda mungkin mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat darah beku. Jika anda mempunyai:

- Darah beku, strok atau serangan sakit jantung sebelum ini

- Kanser

- sel-sel darah merah tidak normal (anemia sel sabit)

- Kencing manis teruk yang menjejaskan peredaran darah anda

• kesan ke atas darah (anemia) telah jarang dilaporkan semasa rawatan jangka panjang dengan ubat ini.

• sesak nafas telah dilaporkan dalam orang yang mengambil ubat ini pada dos yang tinggi

• Cypron Tablet boleh mengubah tahap gula dalam darah anda. Jika anda mempunyai kencing manis, periksa tahap gula darah anda secara berkala. Doktor anda mungkin akan mengubah dos ubat yang digunakan untuk merawat kencing manis anda.

Doktor anda akan memeriksa fungsi kelenjar adrenal anda, kerana ia mungkin terganggu semasa rawatan dengan Cypron Tablet.

### Kehamilan dan Penyusuan

Cypron Tablet tidak boleh digunakan semasa mengandung atau menyusu.

# CYPRON TABLET

Cyproterone Acetate (50mg)

## -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor anda jika anda mengambil, atau baru-baru ini mengambil, mana-mana ubat-ubatan lain termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi. Seseengah ubat-ubatan boleh menghalang Cypron Tablet daripada berfungsi dengan betul. Cypron Tablet juga boleh mengubah cara ubat-ubatan lain bertindak balas dalam badan anda.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana ubat lain dengan kerap, terutamanya:

- ubat seperti rifampicin untuk rawatan batuk kering
- ubat seperti phenytoin digunakan untuk merawat epilepsi atau penyakit-penyakit lain
- produk yang mengandungi ubat herba yang dikenali sebagai St John Wort (Hypericum perforatum)
- ubat seperti ketoconazole, Itraconazole, Clotrimazole untuk rawatan jangkitan kulat
- ubat seperti Ritonavir yang digunakan untuk merawat jangkitan HIV
- ubat penurunan kolesterol seperti statin. Cypron Tablet boleh membawa kesan sampingan statin yang lebih teruk, contohnya pemecahan otot
- ubat kencing manis oral seperti glitazones

## **Cara menggunakan Cypron Tablet**

### -Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan menentukan dos yang anda ambil bergantung kepada keadaan anda.

Untuk mengawal keinginan seks di kalangan lelaki, julat dos yang biasa adalah dari 2 tablet dua kali sehari (100mg) sehingga 2 tablet tiga kali sehari (300mg).

Di kalangan wanita yang berpotensi untuk beranak, dua 50 mg tablet perlu diambil setiap hari dari hari pertama ke hari ke-10 kitaran haid (hari pertama kitaran haid = hari pertama pendarahan).

Apabila kesan yang diinginkan dicapai, dos anda boleh diturunkan secara beransur-ansur. Selain itu, doktor anda akan menasihatkan kontraseptif yang paling sesuai untuk anda ambil untuk memberi perlindungan kontraseptif yang diperlukan dan untuk menstabilkan kitaran anda.

Jika anda telah mengalami menopause atau telah menjalani histerektomi, Cypron boleh diambil secara sendirian. Dos yang biasa ialah 25-50 mg sekali sehari selama 21 hari, diikuti dengan 7 hari tanpa ubat.

Sentiasa mengambil Cypron Tablet tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Semak dengan doktor anda jika anda tidak pasti.

### -Bila perlu digunakan

Ambil tablet selepas makan dan menelan keseluruhannya dengan air.

### -Berapa lama perlu digunakan

Sentiasa mengambil Cypron Tablet tepat sebagaimana doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor anda jika anda tidak pasti.

### -Jika terlupa menggunakan

Jikalau anda terlupa mengambil satu dos ubat, ambil dos itu dengan segera sebaik sahaja anda mengingatinya. Kemudian, sambung rawatan anda seperti biasa.

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika tablet yang terlepas tidak diambil lebih daripada 12 jam, perlindungan kontraseptif akan berkurangan.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Beritahu doktor anda dengan secepat mungkin supaya doktor anda boleh memberitahu anda apa yang perlu dilakukan. Tiada sebarang laporan penyakit yang serius yang disebabkan oleh

pengambilan terlalu banyak Cypron Tablet dalam dos tunggal.

## **Semasa menggunakan Cypron Tablet**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Jikalau anda mempunyai persoalan tentang penggunaan produk ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengurangkan dos atau berhenti mengambil tablet anda melainkan jika doktor anda memberitahu anda untuk membuat demikian.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

#### Mengambil dengan makanan dan minuman

Cypron tidak berfungsi dengan baik di kalangan lelaki yang kerap minum banyak alkohol.

### Memandu dan menggunakan mesin

Anda mungkin berasa letih dan lemah semasa rawatan. Jika terjejas, jangan memandu, mengendalikan jentera atau melakukan perkara di mana gejala-gejala ini mungkin akan meletakkan anda atau orang lain pada risiko.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Cypron Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika anda mempunyai masalah untuk bernafas atau menelan, ini mungkin menjadi tanda reaksi yang jarang berlaku - hubungi doktor anda atau pergi ke hospital dengan segera.

Berikut adalah kesan sampingan yang mungkin berlaku:

Sangat biasa

- pengurangan jumlah sperma
- pengurangan keinginan seks di kalangan lelaki

# CYPRON TABLET

Cyproterone Acetate (50mg)

---

Biasa

-penurunan atau peningkatan berat badan  
-kemurungan  
-keresahan  
-payudara sakit  
-panas memerah, berpeluh  
-keletihan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Cypron Tablet

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

### -Pelupusan

Jangan makan ubat itu selepas tarikh luputnya.

Pulang ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan ubat yang tidak digunakan jika doktor anda menasihatkan anda. Jangan buang ubat tersebut di dalam air kumbahan atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Cypron Tablet adalah tablet putih, bulat, dan rata dengan tanda 50 dan satu garis skor pada sebelah permukaan, dan tidak bertanda pada sebelah permukaan yang lain.

### -Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Bahan aktif ialah cyproterone acetate. Setiap tablet mengandungi 50mg cyproterone acetate.

Bahan tidak aktif

Bahan-bahan tidak aktif yang lain termasuk lactose, cellulose microcrystalline, croscarmellose sodium, povidone dan magnesium stearate.

### -Nombor MAL

MAL10120022AC

## Pengilang

Douglas Pharmaceuticals Limited  
Central Park Drive and Corner Te  
Pai Place,  
Lincoln, Auckland 1008,  
New Zealand

## Pemegang Pendaftaran Produk

Actavis Sdn Bhd  
C/o Allergan Malaysia Sdn Bhd  
Level 5-02, Block A, PJ 8,  
No. 23, Jalan Barat Seksyen 8,  
46050 PJ, Selangor, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

14/07/2015

## Nombor siri:

BPFK(R4/1)090715/00183